

# Pusat, negeri perlu tambah tanah rizab Melayu

B.H. 6/8/2017 ms. 5

**Putrajaya:** Kerajaan Pusat dan negeri perlu berganding bahu dalam menambahkan lagi jumlah tanah rizab Melayu di negara ini.

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan, Prof Datuk Dr Nik Mohd Zain Nik Yusof, berkata penambahan itu perlu untuk memastikan kaum Melayu terus kekal memiliki harta tanah demi menjaga kepentingan majoriti itu.

Beliau berkata, tanah rizab Melayu sedia ada ketika ini kini semakin berkurangan kerana diambil atau dibatalkan oleh kerajaan negeri, namun tidak digantikan semula.

"Isu tanah ini adalah kuasa mutlak kerajaan negeri dan mereka harus mengenal pasti tanah yang boleh dijadikan tanah rizab Melayu.

"Rakyat juga perlu memastikan tanah yang dimilikinya tidak dijual kerana menjual tanah akan menyebabkan kawasan tanah semakin terhad," katanya pada sesi dialog pada Konvensyen Memperkuuh Pasak Negara: Ke Arah Wasiat Lebih Terurai dengan tajuk 'Tanah Sebagai Modal Kesinambungan Kedaulatan Raja dan Negara' di sini, semalam.

## UPU perlu buat kajian

Nik Mohd Zain berkata, Kerajaan Pusat melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri juga perlu membuat kajian mengenai keluasan tanah rizab Melayu yang terkini.

"Untuk rekod, tanah rizab Melayu pada 1947 adalah 2.4 juta hektar dan

meningkat sebanyak 1.8 juta hektar pada 2008, kepada 4.2 juta hektar.

"Bagaimanapun, pada 2017, tanah rizab Melayu semakin berkurangan kerana faktor pembangunan dan politik," katanya.

## Pengembangan bahasa Melayu

Sementara itu, Felo Utama, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo Kok Seong, berkata polarisasi kaum yang wujud di negara ini secara tidak langsung dapat mengembangkan lagi penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

"Penguasaan dan kefasihan yang mantap dalam bahasa Melayu oleh rakyat Malaysia dapat dijadikan alat



Nik Mohd Zain  
Nik Yusof

utama dalam membentuk perpaduan kaum.

"Bagaimanapun, apa yang kita kesalkan, masih ada dalam kalangan warga kita tidak dapat berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Melayu, sekali gus menjaskan pembentukan negara bangsa," katanya.

Kok Seong berkata, jika dilihat senario hari ini, kebanyakan murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil tidak dapat berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Melayu.

"Bagi mereka, mempelajari tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin itu agak membebankan mereka," katanya.